

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Datuk Rozman bin Isli
[Labuan]**

TARIKH : 12.06.2014 (KHAMIS)

NO. SOALAN : 159

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah perancangan untuk mengadakan Kolej Poly-Tech MARA di Labuan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) merupakan salah sebuah subsidiari MARA dalam sektor pendidikan yang menawarkan pengajian di tahap sijil, pra diploma dan diploma manakala program-program ijazah dan profesional merupakan program kerjasama dengan universiti tempatan dan luar negara. Pada ketika ini terdapat lapan kampus yang beroperasi di Semenanjung Malaysia dan sebuah kampus di Semporna, Sabah.

Kampus KPTM di Semporna, Sabah telah beroperasi sejak 2010 dan menawarkan enam jenis kursus peringkat diploma iaitu:

1. *Diploma in Tourism Management,*
2. *Diploma in Corporate Communications,*
3. *Diploma in Teaching English as A Second Language (TESL),*
4. *Diploma in Human Resource Management,*
5. *Diploma in Business Management dan*
6. *Diploma in Accountancy.*

KPTM Semporna mempunyai enrolmen semasa seramai 593 orang.

Buat masa ini, pihak MARA **tiada perancangan untuk menambah bilangan KPTM** sama ada di Semenanjung atau pun di Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun MARA akan mempertimbangkan pembinaan KPTM sekiranya ada keperluan dan peruntukan kewangan yang mencukupi.